

Lebih 5.5 juta sudah divaksin

Berita Harian BH 20/06/2021

PELAN PEMULIHAN NEGARA

HA/S-07

Kerajaan yakin capai sasaran melalui pelbagai inisiatif dilaksanakan

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Putrajaya: Satu daripada tiga indikator yang ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara untuk beralih daripada fasa satu ke fasa kedua diyakini dapat dicapai dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, ketika mengumumkan perkembangan itu berkata liputan vaksin setakat kelmarin menyaksikan 5,510,720 dos suntikan pelalian sudah diberikan, merangkumi 3,957,687 penerima dos pertama dan 1,553,033 penerima dos kedua.

Selaras prestasi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) itu, katanya, 11.97 peratus populasi di Malaysia menerima dos pertama vaksin, manakala 3.37 peratus sudah lengkap dengan dua dos suntikan pelalian.

“Mengikuti unjuran Pembendungan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR), saya optimis dengan langkah sekatan pergerakan penuh (Perintah Kawalan Pergerakan 3.0) dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP), kadar purata kes dalam tempoh tujuh hari akan turun ke paras bawah 4,000 dalam masa terdekat,

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika mengumumkan Pelan Pemulihan Negara, Selasa lalu, berkata kera-

Jun	Jul & Ogos	Sept & Okt	Nov & Dis
Fasa 1	Dilanjutkan (Separuh ke-2 Jun)	Fasa 2	Fasa 3
PKP menyeluruh, perkhidmatan perlu sahaja	Perluasan senarai positif, sektor sosial kekal tutup	Pendekatan senarai negatif, sektor sosial dibuka secara berperingkat	Pembukaan penuh termasuk sektor sosial
Nilai Ambang (Semua dipenuhi)	Nilai Ambang Fasa 1 ke 2	Nilai Ambang Fasa 2 ke 3	Nilai Ambang Fasa 3 ke 4
Purata kes harian COVID-19	<4,000 kes	<2,000 kes	<500 kes
Penggunaan katil di wad ICU	Paras sederhana	Paras mencukupi (50 - 70%)	Paras mencukupi (<50%)
Kadar vaksinasi	10% populasi	40% populasi	60% populasi
Unjuran peralihan fasa tertakluk pencapaian Nilai Ambang	AWAL JULAI	AKHIR OGOS	AKHIR OKTOBER

jaan menetapkan tiga indikator dalam nilai ambang untuk dicapai dalam setiap fasa sehingga fasa keempat akhir tahun ini.

Tiga indikator itu adalah purata kes harian COVID-19, penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) dan kadar vaksinasi.

Mengikuti pelan itu, negara boleh memasuki fasa kedua, bulan depan jika purata kes harian turun ke bawah 4,000 kes, katil ICU di tahap sederhana berbanding tahap kritikal ketika ini dan 10 peratus populasi divaksin.

Mengikuti laporan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) purata pemberian vaksin harian negara kini mencecah di antara 180,000 hingga 220,000 sehari, me-

lepsi sasaran 150,000 sehari yang ditetapkan untuk Jun.

Dr Adham berkata, jika momentum kadar vaksinasi itu dikekalkan, beliau yakin sasaran 60 peratus populasi divaksin menjelang November/Disember (fasa keempat) seperti dinyatakan dalam Pelan Pemulihan Negara dapat dicapai.

Kementerian Kesihatan (KKM) menyoal sekurang-kurangnya 26 juta penduduk diberi vaksin menjelang akhir tahun ini bagi mencapai imuniti kelompok.

“Kini, KKM sedang merangka strategi bagi melaksanakan pemberian vaksin kepada kumpulan berusia 12 hingga 17 tahun yang membabitkan seramai 3.5 juta

orang,” katanya dalam temu bual khas di sini, semalam.

Seiring matlamat digariskan dalam Pelan Pemulihan Negara, Dr Adham berkata, usaha KKM bagi melandaikan lengkung COVID-19 dibuat berdasarkan lima strategi yang dibangunkan pada Januari lalu.

Ia merangkumi usaha memutuskan rantaian penularan jangkitan, mengurangkan kadar kematian, memperkukuhkan diagnostik dan surveilan untuk mengesan kes COVID-19 secara lebih awal, mencapai imuniti kelompok serta meningkatkan kesedaran dan pembudayaan norma baharu.

“Segala usaha berteraskan prinsip *whole of government* (keseluruhan kerajaan) di mana semua agensi kerajaan turut membantu mencapai satu matlamat sama iaitu untuk kembali ke zaman sebelum pandemik COVID-19,” katanya.



Dr Adham Baba